

TPM saran imam pelopor majukan institusi ummah

BH- 16/6/2007

BANGI: Datuk Seri Najib Razak mengajak imam masjid di seluruh negara memulakan gerakan memelopori masjid sebagai institusi ummah yang relevan dan penting bagi mempertingkatkan martabat agama Islam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka bertanggungjawab menerajui gerakan mengimarahkan masjid sebagai tempat memupuk perpaduan, menjana ekonomi, pusat komuniti dan kecemerlangan ilmu serta pendidikan, sekaligus menjadi punca kekuatan dan kebangkitan umat Islam negara.

“Kita mahu masjid memiliki ciri dan potensi memperkukuhkan ekonomi, memajukan pendidikan, nilai sosial, pentadbiran dan pusat rekreasi, seterusnya mencetuskan kekuatan luar biasa kepada umat Islam,” katanya.

Selain itu, beliau berkata, masjid hendaklah berfungsi sebagai tempat memupuk perpaduan yang boleh dilaksanakan menerusi khutbah Jumaat dan penganjuran pelbagai majlis ilmu yang mampu menjana ekonomi menerusi kedai runcit, kedai gunting rambut, menjual kitab, buku dan alat tulis.

“Masjid bukan saja tempat beribadah tetapi dijadikan pusat komuniti dan pengajian ilmu

setempat kepada semua lapisan masyarakat sehingga mampu mendekati generasi muda. Kita juga mahu masjid berfungsi sebagai tempat pertemuan pemimpin dan rakyat, pusat kaunseling, tuisyen dan kelas agama.

“Malah, saya pernah mencadangkan masjid dijadikan kampus cawangan Universiti Terbuka Malaysia sebagai satu cara meningkatkan martabatnya,” katanya ketika menutup Muzakarah Imam Peringkat Kebangsaan 2007 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini semalam.

Timbalan Perdana Menteri berkata, imam dan ahli jawatankuasa masjid, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) hendaklah berganding bahu melaksanakan gerakan memartabatkan masjid pada zaman globalisasi.

“Daripada 6,000 masjid di seluruh negara, kita mahu melihat ada yang sudah merancang, mengumpul kekuatan dan mengatur strategi untuk menjadikannya pusat ekonomi, kegiatan tumpuan masyarakat dan kecemerlangan ilmu,” katanya.